

CNS9075

U GB 23-11 00231 BH927

AAB

Peri dangan - Penutup

G-15 TERIMA GESAAN MAHATHIR SUPBYA BERFIKIRAN SELATAN

Daripada Azman Ujang

I

DAKAR (Senegal) , 23 Nov (Bernama) -- Gesaan Perdana Menteri , Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negara-negara Selatan agar +Berfikiran Selatan+ menerima sokongan padu daripada para pemimpin G-15 yang lain di akhir Persidangan Kemuncak tiga hari kumpulan itu di sini, Isnin.

Dalam pernyataan bersama, kumpulan negara membangun itu yang mewakili satu pertiga daripada empat ribu juta penduduk Selatan berkata bahawa perubahan dalam arena ekonomi dan politik antarabangsa baru-baru ini memperkukuhkan lagi rasional dan matlamat kerjasama Selatan-Selatan sebagai satu strategi yang boleh berjaya bagi mempertingkatkan kepercayaan kepada diri sendiri secara kolektif dan pembangunan nasional, serantau dan sejagat.

Semasa sesi pembukaan G-15 Sabtu lepas, Dr Mahathir merayu kepada negara membangun di Selatan agar +Berfikiran Selatan+ secara kolektif dengan mengadakan lebih banyak perundingan antara satu sama lain untuk memahami dengan lebih jelas keperluan masing-masing demi untuk ketahanan nasional dan kredibiliti mereka.

Para pemimpin itu kebanyakan dari Asia, Afrika dan Amerika Latin memperbaharui komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi kepada mengukuhkan usaha Selatan-Selatan dalam projek-projek kerjasama ekonomi dan teknikal yang mendatangkan manfaat kepada semua.

Mereka bersetuju meletakkan soal pembangunan di paras paling tecatas dalam agenda antarabangsa dan berushaa ke arah mewujudkan suatu suasana ekonomi dan politik yang menykong ke arah usaha menjadikan komitmen seperti itu satu realiti , -- Lagi.

▼23/11/22-56MST

CNS9081

U GB 23-11 00154 BH928

AAB

Persidangan - Penutup 2 Dakar

Daripada projek-projek yang mula dilaksanakan sejak persidangan kemuncak G-15 yang pertama di Kuala Lumpur, dua daripadanya, yang dicadangkan Malaysia sudahpun beroperasi. Projek-projek itu ialah Sistem Rangkaian Pangkalan Data yang digelar Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) dan Peraturan. Pembayaran Dua Hala bagi menggalakkan perdagangan di kalangan negara Selatan.

Projek cadangan India bagi sebuah Bank Baka untuk tumbuhan ubat-ubatan dan aromatik dan peti sejuk yang menggunakan tenaga suria bagi menyimpan ubat-ubatan dan vaksin sedang dilaksanakan.

India juga sedang menubuhkan bagi G-15 di Senegal dan negara membangun yang lain di rantau Afrika sebuah pusat untuk mempertingkatkan kemahiran sumber manusia dalam bidang pertanian, pengurusan air, industri berasaskan pertanian dan kerja tangan tradisional.

Malaysia juga mahu menubuhkan Kumpulan Pakar G-15 bagi pertukaran maklumat mengenai dasar-dasar ekonomi nasional negara anggota untuk membantu mereka dalam perancangan pembangunan dan pengurusan ekonomi . -- Lagi.

▼23/11/23-08MST

CNS9082

U GB 23-11 00157 BH929

AAB

Persidangan - Penutup 3 (Akhir) Dakar

Mesyuarat pertama Kumpulan Pakar itu akan diadakan di Malaysia pada April tahun depan.

Persidangan kemuncak itu juga menguatkan lagi komitmennya kepada satu dialog yang membina dan berterusan dengan negara maju di Utara terutamanya negara perindustrian G-7.

Para pemimpin itu menggesa agar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menjalani reformasi untuk membolehkan badan dunia itu mampu menghadapi suasana antarabangsa yang sering berubah-ubah.

Mereka berkata, PBB seharusnya memperkukuhkan lagi kemampuannya bagi menggalakkan kerjasama bagi pembangunan, diplomasi pencegahan dan pengurusan krisis dalam usaha untuk mengatasi secara berkesan ancaman terhadap keamanan dan keselamatan dunia.

Persidangan kemuncak itu dihadiri ketua-ketua negara dan kerajaan dari sembilan negara anggota G-15 iaitu Senegal, Mesir, Brazil, India, Indonesia; Jamaica, Nigeria, Zimbabwe dan Malaysia.

Negara anggota lain kumpulan itu ialah Algeria, Argentina, Mexico, Venezuela, Peru dan Yugoslavia.

India akan menjadi tuan rumah persidangan kemuncak kumpulan itu tahun depan.

-- Bernama.

♥23/11/23-19MST